



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Perkastaman
Aras 1 Selatan, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.



Telefon : +603 8882 2100
Faksimili : +603 8882 2254
Laman Web : www.customs.gov.my

Rujukan Kami : KE.HE.(88) 669/19-1(35)
Tarikh : 16 Ramadan 1440H
21 Mei 2019

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PERSEDIAAN PELAKSANAAN DUTI EKSAIS KE ATAS MINUMAN BERGULA SEMENTARA MENUNGGU PEWARTAAN PERUNDANGAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, penguatkuasaan duti eksais ke atas minuman bergula akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2019. Maklumat ringkas berkaitannya adalah seperti jadual berikut.

Kepala Kod Tarif	Kategori	Nilai ambang total sugar	Kadar Duti Eksais	Contoh
2009	Jus buah-buahan, jus sayur-sayuran	> 12 gram/100 m	RM 0.40/liter	Jus Oren, Jus Limau
2202	a) Minuman bergas, minuman tidak-beralkohol kecuali produk minuman berasaskan susu haiwan	> 5 gram/100 ml	RM 0.40/liter	Minuman Cola, Minuman Bertenaga Minuman Bergas
2202	b) minuman berasaskan susu haiwan	> 7 gram/100 ml	RM 0.40/liter	Minuman susu berperisa coklat.

3. *Perenggan ini untuk tujuan makluman dalaman JKDM sahaja.*

4. Bagi mendapatkan pengecualian duti eksais kepada minuman bergula yang kandungan *total sugars* sama atau kurang dari nilai ambang yang ditetapkan di bawah Perintah Duti Eksais (Pengecualian) (Pindaan) 2019, pelesen/pengimport perlu mengemukakan laporan makmal (*lab report*) dari makmal-makmal yang telah diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) sahaja. Untuk mendapat laporan makmal (*lab report*) tersebut, pelesen/pengimport hendaklah menghantar sampel untuk dianalisa kandungan *total sugars* dalam minuman tersebut. Maklumat berkaitan makmal-makmal tersebut boleh didapati melalui portal rasmi Jabatan Standard Malaysia. Tatacara membuat carian melalui portal tersebut adalah sebagaimana dalam **Lampiran C**.

5. Terdapat 3 tatacara persediaan awal kepada pelaksanaan duti eksais minuman bergula iaitu:


- i. Tatacara Persediaan Pelesenan Premis Pengilangan/Pengudangan – **Lampiran A**
- ii. Tatacara Persediaan Pengiklanan dan Menuntut Pengecualian– **Lampiran B**
- iii. Tatacara Carian Makmal Yang Diakreditasi Oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) – **Lampiran C**

6. *Perenggan ini untuk tujuan makluman dalaman JKDM sahaja*

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


21.5.2019.
(HISAMUDDIN BIN JARUDY)
Bahagian Perkastaman
b.p.: Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA